

Perkuuh hubungan generasi muda S’pura-M’sia: Presiden Halimah

► **NUR FATHIN AWALLUDIN**

nfathin@sph.com.sg
dari Kuala Lumpur

GENERASI muda Singapura dan Malaysia juga mesti merasakan bahawa hubungan dua hala yang kukuh antara kedua-dua negara adalah penting, kata Presiden Halimah Yacob, pada Rabu.

Bertemu media pada hari terakhir lawatan negaranya ke Malaysia, Puan Halimah berkata, dalam hal hubungan Singapura dan Malaysia, isu generasi muda “sentiasa menjadi kebimbangan”-nya.

“Orang dalam generasi saya, kami telah melalui tempoh di mana perubahan berlaku dalam sejarah dan ia telah menjejas kita.

“Berikutan itu, kami telah membina ekonomi masing-masing, kedua-dua negara mengukuhkan ekonomi kami dan kami belajar kepentingan kesalingbergantungan ekonomi dan sosial.

“Namun, itu merupakan pengalaman hidup kami. Pengalaman hidup ini tidak serupa dengan pengalaman hidup anak muda kami, baik yang di Singapura maupun di Malaysia,” ujar Puan Halimah.

Oleh itu, terdapat keperluan untuk menyediakan peluang dan platform di mana anak muda dari kedua-dua negara dapat menghargai pengalaman-pengalaman sedemikian.

■ **Bersambung di Muka 4**

BERITA

Peluang interaksi anak muda S'pura, M'sia ‘pelaburan bagi masa depan’

Puan Halimah: Langkah bagi perkembangan masa depan, kesejahteraan dan pembangunan sosial kedua-dua negara

Dari Muka 1

Mewujudkan peluang bagi anak muda Singapura dan Malaysia berinteraksi secara bermakna antara satu sama lain merupakan “pelaburan bagi masa hadapan, bukan sahaja bagi masa depan kedua-dua negara, tetapi juga perkembangan masa depan, kesejahteraan dan pembangunan sosial kedua-dua negara,” kata Puan Halimah.

Ini lebih-lebih lagi kerana generasi muda sekarang bakal mengambil alih tumpuk kepimpinan untuk menjadi pemimpin pada masa depan.

“Kita banyak berbincang tentang kesalingbergantungan ekonomi dan sosial dan sebagainya, tetapi kita lupa bahawa generasi muda mungkin mempunyai pandangan yang berbeza.

“Anak-anak muda mestilah juga merasakan bahawa (hubungan dua hala) adalah penting bagi mereka, dan melihat cara mereka boleh menyumbang terhadap perkara tersebut.”

“Itu sebabnya menyediakan peluang sedemikian adalah sangat penting,” tambah beliau.

Meskipun akur sudah terdapat peluang pertukaran pelajar antara sekolah-sekolah di Singapura dengan Malaysia, Puan Halimah berkata adalah baik jika pertukaran tersebut dapat diluaskan kepada lebih banyak negeri.

Katanya: “Kita tidak seharusnya mengehadkannya kepada Kuala Lumpur sahaja, kita juga boleh mengadakan program pertukaran pelajar di negeri-negeri lain kerana kita tidak boleh berfikir bahawa semuanya sama (di seluruh Malaysia).

“Ia memberi manfaat bagi anak muda di negeri lain mengetahui tentang anak muda Singapura dan bagi anak muda kita bertemu orang muda dari pelbagai negeri yang mempunyai kekuatan, keperluan dan pembangunan yang berlainan.”

Selain itu, Puan Halimah menyentuh tentang isu wanita.

Beliau telah bertemu beberapa pemimpin wanita dalam bidang politik di Malaysia semasa lawatannya.

Melalui perbincangan mereka, Puan Halimah berkata cabaran-cabaran-

ran yang dihadapi golongan wanita dalam politik adalah serupa.

Beliau merumuskannya kepada dua perkara – stereotip dan peluang. “Wanita harus diberi pilihan tentang perkara yang mereka mahu lakukan, dan kemudian masyarakat mesti mempercayai bahawa wanita mempunyai keupayaan untuk memahami betapa pentingnya sumbangan mereka, dan cara ia boleh memberi manfaat kepada masyarakat dan keluarga mereka juga.”

“Jadi keyakinan itu mesti ada. Oleh itu, bukan hanya struktur politik yang perlu kita fikirkan, tetapi pada asasnya, seluruh masyarakat perlu mempunyai kesedaran individu dan kolektif bahawa wanita mempunyai peranan untuk dimainkan.”

Mereka boleh menyumbang dan menyediakan peluang tersebut,” ujar Puan Halimah.

Beliau menekankan kepentingan menyediakan sistem sokongan yang padu agar kaum hawa dapat menjalankan pelbagai tanggungjawab mereka dengan baik.

Beban penjagaan – sama ada menjaga kanak-kanak kecil atau warga emas – masih sering terletak di atas bahu wanita, baik di Malaysia, Singapura maupun banyak negara lain, kata beliau.

Hal tersebut memakan masa dalam kehidupan sehari-hari wanita.

“Jadi, kita perlu menyediakan satu sistem eko yang benar-benar menyokong para wanita dalam isu penjagaan, jika kita mahu melihat lebih ramai pemimpin wanita,” katanya.

Puan Halimah juga berkongsi pandangannya mengenai Asean sambil menegaskan kepentingan Asean bersatu.

“Meskipun dengan ketegangan geopolitik yang semakin meningkat di seluruh dunia, kita tahu bahawa terdapat nilai untuk mengukuhkan hubungan dua hala dengan satu sama lain.

“Sekarang ini, kita lihat dunia semakin menuju ke arah yang berbeza-beza, tetapi apa yang kita mahukan ialah strategi yang saling menguntungkan... yang membawa manfaat kepada warga-warga Malaysia, Singapura dan Asean juga,” ujar Puan Halimah.



UCAPAN BERSULANG: Puan Halimah (*tiga dari kiri*) memberikan ucapan bersulangnya di Majlis Santapan Negara yang diadakan di Istana Negara, Malaysia pada 21 Mac 2023. Turut hadir pada majlis itu ialah (*dari kiri*), Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Anwar Ibrahim; Raja Permaisuri Agong Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah; Yang di-Pertuan Agong Malaysia, Sultan Abdullah Ahmad Shah; suami Puan Halimah, Encik Mohamed Abdullah Alhabeeb; dan isteri Datuk Anwar, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail. – Foto-foto ST

Presiden Halimah akhiri lawatan ke M'sia selepas sahkan jalinan akrab kedua negara

PRESIDEN Halimah Yacob mengakhiri lawatan negara ke Malaysia pada Rabu, 22 Mac 2023 selepas berada di sana selama tiga hari atas undangan Yang di-Pertuan Agong Malaysia, Sultan Abdullah Ahmad Shah.

Ini merupakan lawatan negara pertama Puan Halimah ke Malaysia dan merupakan kunjungan balas kepada lawatan Yang di-Pertuan Agong ke Singapura pada Oktober 2022.

Lawatan tersebut mengesahkan lagi hubungan akrab dan rencan antara Singapura dengan Malaysia, dan menunjukkan komitmen kedua-dua negara untuk memperdagam hubungan ekonomi, budaya, pendidikan dan rakyat-ke-rakyat yang telah lama terjalin.

Semasa pertemuan dengan Agong, kedua-dua pemimpin menegaskan persahabatan yang sudah lama terjalin antara Singapura dan Malaysia, serta kerjasama positif dua hala merentasi perdagangan, pelancongan, digital dan ekonomi hijau, keselamatan siber dan pendidikan.

Mereka juga menyambut baik tiga perjanjian Pemerintah-ke-Pemerintah yang ditandatangani semasa Lawatan Rasmi Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Anwar Ibrahim ke Singapura pada Januari 2023.

Selain itu, mereka mengalaukan kerjasama substantif antara institut pengajian tinggi kedua-dua negara dalam bidang pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional.



SWAFOTO BERSAMA: Presiden Halimah Yacob (*berbaju merah*) berswafoto bersama sekumpulan warga Singapura yang menetap di Malaysia semasa majlis jamuan bersama mereka yang diadakan di Hotel St Regis, Kuala Lumpur pada 20 Mac 2023.

al, bahasa Melayu dan warisan, pertukaran pelajar, dan penyelidikan.

Menurut kenyataan Kementerian Ehwal Luar, Puan Halimah dan Agong juga bersetuju bahawa adalah penting untuk mengukuhkan hubungan di semua peringkat untuk memajukan kerjasama dua hala bagi manfaat bersama.

Semasa lawatannya, Puan Halimah turut bertemu Encik Anwar, Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzi,

Zuddin Shah; dan mengadakan perbincangan dengan pemimpin wanita daripada pelbagai parti politik Malaysia.

Dalam pendekatannya yang lain, beliau telah berjumpa pemimpin perniagaan Singapura dan Malaysia serta masyarakat Singapura yang bermastautin di sebarang Tambo.

Puan Halimah turut mengunjungi Wisma Pandu Puteri dan disam-

but oleh Raja Permaisuri Agong Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah.

MFA berkata lawatan negara Puan Halimah ke Malaysia merupakan peluang yang baik bagi kedua-dua negara memperbaharui komitmen untuk mengembangkan lagi kerjasama dalam pelbagai bidang demi meningkatkan kehidupan warga Singapura dan Malaysia terutama dalam keadaan dunia yang semakin mencabar kini.